

# MAKLUMAT DAN SYARAT – SYARAT



**PERTANDINGAN  
MENULIS SURAT**

# 1 MALAYSIA 2014

*Anjuran bersama*



*Dengan kerjasama*



## 1) MAKLUMAT PERTANDINGAN

- a) Pertandingan Menulis Surat 1Malaysia ini dibuka kepada kategori berikut:
- i. **Kategori A** : Pelajar sekolah rendah (**Tahun 1 hingga Tahun 6**)
  - ii. **Kategori B** : Pelajar sekolah menengah (**Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5**)
  - iii. **Kategori C** : Terbuka bagi rakyat Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas
  - iv. **Kategori Khas** : Terbuka bagi Orang Kelainan Upaya (OKU) berusia 9 tahun hingga 45 tahun
- b) Pertandingan ini dibuka dari **1 Julai 2014 hingga 31 Ogos 2014**.
- c) Setiap peserta hendaklah memilih salah satu pilihan tajuk yang diberikan seperti berikut:
- i. Tulis sepucuk surat tidak rasmi kepada Perdana Menteri Malaysia untuk menyatakan kenapa Malaysia menjadi destinasi pilihan pelancong asing.
  - ii. Tulis sepucuk surat tidak rasmi kepada Perdana Menteri Malaysia tentang pengalaman dan keistimewaan melancong di Malaysia.
  - iii. Tulis sepucuk surat tidak rasmi kepada Perdana Menteri Malaysia tentang cadangan untuk meningkatkan industri pelancongan di kawasan anda yang berkonsepkan Pelancongan 1Malaysia.
- d) Format surat adalah **SURAT TIDAK RASMI**.
- e) Bukti tarikh penghantaran pos tidak akan diambil kira sebagai bukti penerimaan. Pihak penganjur dan agensi-agensi yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas penyertaan yang hilang, lambat, dicuri, rosak atau salah dialamatkan.
- f) Semua keputusan pihak penganjur adalah muktamad dan sebarang perbincangan atau surat menyurat tidak akan dilayan.
- g) Semua surat penyertaan yang diterima oleh penganjur menjadi hakmilik penganjur dan penganjur boleh menggunakan surat-surat penyertaan tersebut untuk apa-apa tujuan.

## 2) TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

- a) Peserta mestilah merupakan warganegara Malaysia.
- b) Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar 1 penyertaan sahaja.
- c) Penyertaan mestilah sampai selewat-lewatnya pada **31 Ogos 2014** kepada Sekretariat Pertandingan.
- d) Surat yang ditulis mestilah mengikut tema yang ditetapkan di perenggan 1 (c).
- e) Karya yang diciplak adalah tidak dibenarkan. Sekiranya didapati surat yang dihantar bukan karya asli, maka penyertaan akan dibatalkan serta-merta.
- f) Surat mestilah ditulis dalam Bahasa Malaysia sahaja.
- g) Surat mestilah bertulis tangan, kemas, dan mudah dibaca. Tidak dibenarkan sama sekali menggunakan mesin taip atau computer. Peserta Kategori D OKU (Penglihatan) hendaklah menggunakan mesin taip Braille dan karya yang dihantar disertakan dengan terjemahan.
- h) Surat yang ditulis mesti mengandungi jumlah patah perkataan mengikut kategori seperti yang berikut:
  - i) Kategori A: Sekolah Rendah - 150 hingga 250 patah perkataan
  - ii) Kategori B: Sekolah Menengah - 350 hingga 500 patah perkataan
  - iii) Kategori C: Terbuka (18 tahun ke atas) - 550 hingga 700 patah perkataan
  - iv) Kategori D: OKU (9 – 45 Tahun) - Tidak melebihi 300 patah perkataan
- i) Borang penyertaan boleh didapati secara dalam talian seperti berikut:
  - i) Pos Malaysia ([www.pos.com.my](http://www.pos.com.my))
  - ii) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia ([www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my))
  - iii) Facebook Surat 1Malaysia 2014 ([www.facebook.com/surat2014](http://www.facebook.com/surat2014))
  - iv) Twitter Surat 1Malaysia 2014 ([www.twitter.com/surat1malaysia](http://www.twitter.com/surat1malaysia))
- j) Surat dan borang penyertaan yang telah lengkap diisi hendaklah diposkan kepada:

**Pertandingan Menulis Surat 1Malaysia 2014**  
**P.O. Box 1000**  
**50796 Kuala Lumpur**
- k) Sila sertakan sampul surat kosong **bersaiz A4, beralamat sendiri dan bersetem RM0.80** untuk pihak penganjur mengirimkan sijil penyertaan. Satu sampul surat untuk satu sijil penyertaan sahaja.

- l) Setiap penyertaan bagi Kategori A dan Kategori B mestilah disahkan/dicop oleh pihak sekolah.
- m) Sila nyatakan kategori anda di sudut atas kiri sampul surat penyertaan anda.

**Contoh sampul surat penyertaan yang mengandungi karya, borang, dan sampul kosong**



**Contoh sampul surat kosong untuk sijil penyertaan yang dimasukkan dalam sampul di atas**



- n) Sijil penyertaan **TIDAK AKAN** diberi sekiranya:
- i. Tiada sampul surat kosong beralamat sendiri
  - ii. Tiada setem bernilai 80 sen dilekatkan di sampul surat kosong
  - iii. Nama peserta tiada/tidak lengkap/sukar dibaca di sampul surat kosong
  - iv. Alamat rumah/sekolah yang tidak lengkap
  - v. Tidak memenuhi syarat-syarat pertandingan
  - vi. Sekiranya tiada senarai nama peserta bagi penyertaan yang dihantar secara berkumpulan (sekolah/universiti/kolej)

### 3) KRITERIA PENGHAKIMAN

Keseluruhan surat yang dihantar oleh peserta akan dinilai mengikut kriteria dan pecahan skema pemarkahan berikut:

i) Takrif Tajuk	=	10 markah
ii) Idea	=	40 markah
iii) Bahasa	=	30 markah
iv) Olahan	=	20 markah
<b>Keseluruhan</b>	<b>=</b>	<b>100 markah</b>

#### 4) SENARAI HADIAH PEMENANG

- a) Seramai 3 pemenang utama dan 7 pemenang suguhati akan dipilih bagi setiap kategori

	KATEGORI A	KATEGORI B	KATEGORI C	KATEGORI D
<b>JOHAN</b>	RM 1500	RM 2500	RM 2500	RM 1500
	Album Setem	Album Setem	Album Setem	Album Setem
	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil
	Netbook serta hadiah iringan lain	Netbook serta hadiah iringan lain	Netbook serta hadiah iringan lain	Netbook serta hadiah iringan lain
	Wang Tunai berjumlah RM2500 untuk Sekolah	Wang Tunai berjumlah RM2500 untuk Sekolah		
<b>NAIB JOHAN</b>	RM 1200	RM 2000	RM 2000	RM 1200
	Album Setem	Album Setem	Album Setem	Album Setem
	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil
	Netbook serta hadiah iringan lain	Netbook serta hadiah iringan lain	Netbook serta hadiah iringan lain	Netbook serta hadiah iringan lain
<b>TEMPAT KETIGA</b>	RM 1000	RM 1500	RM 1500	RM 1000
	Album Setem	Album Setem	Album Setem	Album Setem
	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil
	Netbook serta hadiah iringan lain	Netbook serta hadiah iringan lain	Netbook serta hadiah iringan lain	Netbook serta hadiah iringan lain
<b>SAGUHATI X 7</b>	RM 300	RM 300	RM 300	RM 300
	Album Setem	Album Setem	Album Setem	Album Setem
	Sijil	Sijil	Sijil	Sijil
	Netbook serta hadiah iringan lain	Netbook serta hadiah iringan lain	Netbook serta hadiah iringan lain	Netbook serta hadiah iringan lain

**5) UNTUK SEBARANG PERTANYAAN, SILA HUBUNGI:**

**Sekretariat  
Pertandingan Menulis Surat I Malaysia 2014  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Pos Malaysia Berhad  
Tingkat 7, Ibu Pejabat Pos Malaysia  
Kompleks Dayabumi  
50670 Kuala Lumpur**

**Tel : 03-2267 2206 / 2267 2203**

**Faks : 03-2267 2255**

**Facebook : [www.facebook.com/surat2014](http://www.facebook.com/surat2014)**

**Twitter : [www.twitter.com/suratImalaysia](http://www.twitter.com/suratImalaysia)**